



Jalan rosak bukan sebab Projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri

Sentiment	Neutral	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	309,552	Circulation	154,776
PR Value	92,866	Page	28

Page Location



Jalan rosak bukan sebab Projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri

GUA MUSANG: Kerosakan jalan Kampung Bertam Lama dan Kampung Jelekang di sini, bukan disebabkan Projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri tetapi projek lain yang sedang rancak berjalan.

Penduduk Kampung Bertam Lama, Hamzah Ibrahim, 67, berkata, sejak kebelakangan ini rutin harian penduduk yang menggunakan jalan kampung itu terganggu apabila banyak lori besar turut melalui jalan berkenaan.

Katanya, penduduk berharap pihak terlibat dapat mengambil tanggungjawab dengan memulihkan semula keadaan permukaan dengan menurap semula jalan berkenaan.

“Saya berharap satu palang atau pagar dapat dipasang bagi menghalang kenderaan berat melalui kawasan ini demi kesenangan penduduk Kampung Bertam Lama.

“Sekiranya jalan ini rosak sangat menyusahkan penduduk kampung yang berulang-alik ke kebun dan menghantar anak ke sekolah,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kampung Bertam Lama, Mohd. Azhri Hasan, 57, pula berharap, jalan itu dapat dibaiki untuk keselesaan penduduk kampung.

Katanya, laluan itu dijangka menjadi tumpuan atau jalan alternatif bagi perantau untuk pulang ke Kuala Krai, Jeli atau Kota Bharu bagi mengelak kesesakan lalu lintas.

Akhbar ini melaporkan, lebih 3,000 penduduk di lima buah kampung di sini berdepan masalah jalan rosak serta berlubang yang menyebabkan mereka terdedah risiko kemalangan.